# ARAHAN KERJA

JABATAN BENDAHARI

# ARAHAN KERJA SEBUTHARGA RASMI

## UPSI (ISO)/BEN/P02/AK03

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| DISEDIAKAN OLEH | : | | DILULUSKAN OLEH | : | |
| NAMA | : | SITI SHAFINAZ BINTI MOHD SHAHID | NAMA | : | HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED |
| JAWATAN | : | PENOLONG BENDAHARI KANAN | JAWATAN | : | BENDAHARI |
| TARIKH | : | 1 JUN 2025 | TARIKH | : | 1 JUN 2025 |

| KELUARAN : A | PINDAAN : 06 | TARIKH : 01 JUN 2025 |
|---|---|---|

| Bil. | TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB | DOKUMEN |
|---|---|---|---|
| 1. | Menerima permohonan perolehan Sebut Harga Rasmi secara online dari pemohon (PTj) dan meneliti maklumat yang diperlukan bagi membuat pembelian.<br>Rujuk **Manual Pengguna Permohonan Perolehan Secara Online/ *User Manual for Requisition Online* (UPSI(ISO)/BEN/P02/MP02).**<br><br>Mendaftar permohonan sebut harga di dalam Sistem Pendaftaran Dokumen Perolehan.<br>Rujuk **Manual Pengguna Sistem Pendaftaran Dokumen Perolehan Melalui Sistem MyFIS Neo (UPSI(ISO)/BEN/P02/MP05).** | PKA (Unit Perolehan) | Senarai Daftar Perolehan |
| 2. | Meneliti dan menentukan perkara-perkara berikut:-<br>i. peruntukan mencukupi<br>ii. tempoh tawaran Sebut Harga (minimum 7 hari).<br>iii. kod bidang<br>• kod bidang Kementerian Kewangan (MOF) ditetapkan | PB (K) (Unit Perolehan) | Senarai syarikat dari Sistem MyFIS Neo |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | bagi bekalan dan perkhidmatan.<br>• kod bidang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi kerja.<br>iv. syarikat yang hendak dipelawa<br>a. bekalan dan perkhidmatan<br>• Sebut Harga melebihi RM20 ribu hingga RM100 ribu digalakkan di pelawa di kalangan syarikat Bumiputera.<br>• Sebut Harga melebihi RM100 ribu hingga RM500 ribu dipelawa di kalangan syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera.<br>b. perolehan kerja<br>• Sebut Harga RM50 ribu hingga RM3 juta dipelawa di kalangan kontraktor CIDB Gred G1 dalam daerah Muallim sekiranya tidak mencukupi kontraktor | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | di daerah berhampiran/ sempadan boleh dipelawa.<br><br>• Sebut Harga melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu dipelawa di kalangan kontraktor CIDB Gred G2 di dalam negeri Perak. Sekiranya tidak mencukupi, kontraktor di negeri berhampiran/ sempadan boleh dipelawa.<br><br>• Sebut Harga melebihi RM500 ribu sehingga RM3 juta dipelawa di kalangan kontraktor CIDB Gred G3 hingga G4 di dalam negeri Perak. | | |
| 3. | Mengambil tindakan seperti berikut:-<br>i. menyediakan dokumen Sebut Harga Rasmi kecuali perolehan daripada Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB).<br>ii. mengiklankan di laman web Jabatan Bendahari. | PA(K)/PA (Unit Perolehan) | • Kenyataan Tawaran<br>• Surat Pelawaan<br>• Dokumen Sebut Harga Rasmi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii. menghantar surat pelawaan sebut harga melalui email kepada sekurang-kurangnya lima (5) Syarikat yang telah dipilih. | | |
| 4. | Menjual naskah Sebut Harga rasmi kepada syarikat yang berdaftar dengan UPSI dan mempunyai kod bidang yang ditetapkan serta masih berkuatkuasa. | PA<br>(Unit Perolehan) | • Senarai syarikat yang berdaftar dalam Sistem MyFis Neo<br>• Resit |
| 5. | Menerima tawaran daripada syarikat pada tarikh tutup Sebut Harga rasmi. Antara tindakan ialah:-<br><br>i. Peti tawaran hendaklah disediakan dengan dilabelkan nombor Sebut Harga, tarikh dan waktu peti tawaran ditutup. Peti tawaran hendaklah dikunci dengan 2 kunci yang berasingan dan dipegang oleh 2 pegawai yang berasingan yang telah dilantik oleh Bendahari.<br>ii. Peti tawaran Sebut Harga dibuka oleh ahli Jawatankuasa | TB/ PB (K)/ PA(K) / PA<br>(Unit Perolehan)<br><br>Jawatankuasa Pembukaan Sebut Harga | Laporan Pembukaan Sebut Harga Rasmi<br><br>Memo Arahan Penilaian kepada PTj |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Pembukaan Sebut Harga yang dilantik oleh Bendahari pada waktu yang ditetapkan.<br>iii. menomborkan dokumen tawaran daripada syarikat.<br>iv. menandatangani dokumen tawaran daripada syarikat yang telah dinomborkan.<br>v. menghantar dokumen tawaran yang telah ditandatangani ke PTj berkaitan untuk penilaian teknikal dan harga. | | |
| 6. | Jawatankuasa Teknikal di PTj menerima dokumen tawaran syarikat yang telah dinomborkan. Tindakan berikut diambil:-<br>i. membuat penilaian ke atas tawaran yang dibuat oleh syarikat.<br>ii. menyediakan laporan penilaian teknikal dan harga.<br>iii. menghantar laporan penilaian teknikal dan harga ke Unit Perolehan Jabatan Bendahari. | Jawatankuasa Teknikal di PTj | Laporan Penilaian Teknikal dan Harga. |
| 7. | Menerima laporan penilaian teknikal dan harga daripada PTj dan mengambil tindakan berikut:- | TB / PB (K)(Unit Perolehan) | Naskah Mesyuarat Sebut Harga |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | i. menyemak dan menilai laporan tersebut.<br>ii. menyediakan kertas pertimbangan.<br>iii. menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga. | | |
| 8. | Mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Sebut Harga bagi memilih tawaran syarikat yang paling terbaik dan menguntungkan.<br>Penolong Bendahari/Penolong Bendahari Kanan mendapatkan tandatangan kertas perakuan bagi keputusan yang dibuat oleh ahli Jawatankuasa Sebut Harga. | Jawatankuasa Sebut Harga<br><br>PB (K)(Unit Perolehan) | Kertas Perakuan Sebut Harga |
| 9. | Mengambil tindakan berikut selepas mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga:-<br>i. menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat kepada ahli Jawatakuasa Sebut Harga untuk pengesahan.<br>ii. Menyediakan Surat Setuju Terima Tawaran(SST) kepada syarikat yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Sebut Harga dengan mengeluarkan pesanan | TB / PB (K)(Unit Perolehan)<br><br>PA/PKA/PA(K)/PB(K) (Unit Perolehan | Minit Mesyuarat Sebut Harga<br><br>Pesanan Belian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | belian kepada syarikat yang ditetapkan seperti di **Manual Pengguna Penyediaan Pesanan Belian/ *User Manual for Purchase Order Preparation* (UPSI(ISO)/BEN/P02/MP03).**<br><br>Rujuk semula proses seterusnya pada **Prosedur Perolehan (UPSI(ISO)/BEN/P02)** | | |